



KENYATAAN AKHBAR KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

SITUASI SEMASA JANGKITAN PENYAKIT CORONAVIRUS 2019 (COVID-19) DI MALAYSIA 22 OKTOBER 2021

Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) ingin memaklumkan status terkini kes COVID-19 di Malaysia sehingga 22 Oktober 2021 (jam 12:00 tengah hari);

- Kes sembuh : **7,630 kes** (2,311,213 kes kumulatif, 95.5%);
- Kes baharu : **6,630 kes** (2,420,222 kes kumulatif);
- Kes import : **15 kes** (11 warganegara; 4 bukan warganegara);
- Kes tempatan : **6,615 kes** [6,330 warganegara (95.7%); 285 bukan warganegara (4.3%)];
- Kes yang memerlukan rawatan di Unit Rawatan Rapi (ICU) : **653 kes** (521 kes disahkan COVID-19 ; 132 kes disyaki, kemungkinan, dan kes dalam siasatan) ;
- Kes memerlukan bantuan pernafasan : **322 kes** (230 kes disahkan COVID-19 ; 92 kes disyaki, kemungkinan, dan kes dalam siasatan)
- Jumlah kluster : **5,717 kluster**;

- Jumlah kluster baharu : **12 kluster**;
- Jumlah kluster yang telah tamat : **5,137 kluster**; dan
- Jumlah kluster aktif : **580 kluster**.

Daripada **6,630 kes** harian yang dilaporkan pada hari ini;

- **101 kes (1.5 peratus)** adalah kategori 3, 4, dan 5; dan
- **6,529 kes (98.5 peratus)** lagi adalah terdiri daripada kategori 1 dan 2.

Perincian kluster-kluster baharu dan nilai RT mengikut negeri adalah seperti di Lampiran 1 dan 2 yang disertakan bersama kenyataan media ini. Manakala, maklumat terperinci lain berkenaan situasi semasa jangkitan dan penularan COVID-19 di Malaysia akan dimuatnaik ke laman web COVIDNOW di <https://covidnow.moh.gov.my>. Data akan dikemaskini pada jam 12:00 tengah malam setiap hari.

NASIHAT KESIHATAN BERKAITAN COVID-19

KKM ingin menasihati orang ramai termasuk individu-individu yang telah menerima vaksin COVID-19 agar terus mematuhi saranan serta nasihat-nasihat kesihatan yang sering ditekankan iaitu;

- **Elakkan 3S:** (elakkan kawasan yang **sesak, sempit** dan **sempang** dengan jarak yang dekat).
- **Amalkan 3W:** (Amalkan **Wash, Wear** dan **Warn**).
- Sentiasa memakai pelitup muka di kawasan awam yang tertutup. Pemakaian pelitup muka berganda adalah digalakkan.

Patuhlah kepada S.O.P sebagai norma baharu dan dapatkan vaksin COVID-19 bagi mengurangkan risiko jangkitan yang serius, bilangan kes kematian sekaligus membina imuniti kelompok. Dengan pengambilan vaksin, kita dapat melindungi orang di sekeliling daripada kemungkinan jangkitan COVID-19. Dengan imuniti kelompok yang terbentuk, kumpulan yang belum layak diberi imunisasi seperti kanak-kanak dapat dilindungi. Perlindungan untuk semua bermula daripada diri kita.

KKM akan terus memantau perkembangan kejadian jangkitan di dalam negara, dan juga luar negara melalui maklumat yang diperolehi daripada pihak WHO. KKM akan memastikan langkah

pencegahan dan kawalan yang sewajarnya dilaksanakan secara berterusan.

Sekian, terima kasih.

TAN SRI DATO' SERI DR. NOOR HISHAM ABDULLAH
KETUA PENGARAH KESIHATAN MALAYSIA

22 Oktober 2021 @ 6:15 petang.

LAMPIRAN 1**KLUSTER-KLUSTER BAHARU YANG DILAPORKAN DI MALAYSIA
PADA 22 OKTOBER 2021**

NO	NAMA KLUSTER	KATEGORI KLUSTER	NEGERI	DAERAH	JUMLAH KES	JUMLAH DISARING
1	Jalan Zabedah	Tempat Kerja	Johor	Batu Pahat	17	54
2	Industri Jalan Cyber Sembilan	Tempat Kerja	Johor	Kulai	7	173
3	Industri Persiaran Usahawan Tiga 2	Tempat Kerja	Selangor	Hulu Langat dan Sepang	47	155
4	Industri Jalan Seruling 58	Tempat Kerja	Selangor	Klang	12	26
5	Industri Jalan Usaha Lapan	Tempat Kerja	Melaka	Melaka Tengah	26	165
6	Jalan Stesen Sentral Tiga	Tempat Kerja	WP Kuala Lumpur	Lembah Pantai, Cheras, dan Titiwangsa	5	31
7	Juaseh	Pendidikan Lain	Johor	Segamat	26	75
8	Jalan Enam Kampung Bahru	Pendidikan Lain	Selangor	Sepang	14	27
9	Jalan Dataran Wangsa	Pendidikan Lain	WP Kuala Lumpur	Titiwangsa	11	50
10	Alab Senagang	Komuniti	Sabah	Tenom	50	88
11	Jalan Jaya Lima	Komuniti	Pahang	Temerloh dan Maran	29	180
12	Lepang Nenering	Keagamaan	Perak	Hulu Perak	18	24

LAMPIRAN 2

**NILAI R_T MENGIKUT NEGERI
BERDASARKAN KES YANG DILAPORKAN
PADA 21 OKTOBER 2021**

NEGERI	NILAI R_T
WP KUALA LUMPUR	1.03
NEGERI SEMBILAN	1.00
SELANGOR	0.94
MELAKA	0.94
WP PUTRAJAYA	0.93
SABAH	0.90
KELANTAN	0.88
JOHOR	0.86
TERENGGANU	0.86
KEDAH	0.85
PERAK	0.82
PULAU PINANG	0.82
PAHANG	0.81
SARAWAK	0.79
PERLIS	0.75
WP LABUAN	0
MALAYSIA	0.86